

**Agong, Permaisuri Berbuka Bersama Anak Yatim
Bernama
July 15, 2014**

ALOR SETAR, 15 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah hari ini berkenan berangkat ke Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-anak Yatim anjuran Yayasan Anak-anak Yatim Sultanah Haminah (YAYSH) di sini.

Turut hadir ialah Anggota Jemaah Pemangku Sultan Kedah Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah yang juga Tunku Panglima Besar Kedah, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Datuk Mohd Puat Mohd Ali dan Mufti Kedah Datuk Syekh Muhamad Baderuddin Ahmad.

Majlis itu merupakan program tahunan YAYSH pada setiap Ramadan bertujuan menyampaikan sumbangan dan membantu anak-anak yatim di Kedah.

Sebelum majlis berbuka puasa itu, Raja Permaisuri Agong menyampaikan sumbangan kepada 300 anak-anak yatim dari lima daerah di Kedah.

Sumbangan berbentuk baucer pakaian hari raya, bungkusan buah kurma, hamper serta sumbangan duit raya diberikan kepada 60 anak-anak yatim dari setiap lima daerah itu.

Raja Permaisuri Agong ketika bertitah pada majlis itu berpesan kepada anak-anak yatim supaya membuktikan mereka mampu memperoleh kejayaan yang cemerlang seperti anak-anak yang mempunyai ibu bapa.

"Beta ingin berpesan agar belajarlah bersungguh-sungguh dan mencapai keputusancemerlang dalam peperiksaan.

"Ingatlah, ketiadaan ibu atau bapa bukanlah penghalang untuk kita mengecapi kejayaan dalam kehidupan," titah Seri Paduka.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1053742>